



NOTIS MAKLUMAN

PENUTUPAN SEMENTARA PREMIS, KAUNTER PUSAT DAN PUSAT PANGGILAN UTAMA LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) SELARAS DENGAN PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

Merujuk kepada Kenyataan Media oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 11 Jun 2021 mengenai pelanjutan PKP 3.0 di seluruh negara untuk tempoh dua minggu berkuat kuasa 15 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021, sebagai sokongan kepada Kerajaan dalam memutuskan rangkaian COVID-19, **LPPSA akan turut melanjutkan penutupan sementara premis, Kaunter Pusat dan Pusat Panggilan Utama (03-8880 1600) bermula pada 15 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021 atau ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.**

LPPSA akan beroperasi secara terhad sepanjang tempoh penutupan tersebut di mana semua kakitangan LPPSA akan Bekerja Dari Rumah (BDR). Justeru itu, LPPSA menjangkakan akan terdapat sedikit kelewatan dalam urusan berkaitan pembiayaan LPPSA:

- a) Khususnya melibatkan proses kerja yang tidak dapat dilaksanakan secara BDR; dan
- b) Penghantaran surat/ dokumen/ cek pembayaran secara pos/ kurier di dalam tempoh *lock down* ini.

Walau bagaimanapun, **perkhidmatan menerusi atas talian (*online*) masih boleh diakses seperti biasa. Semua pelanggan dinasihatkan agar menggunakan medium komunikasi rasmi LPPSA yang telah disediakan iaitu:**

- a) Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA eTiket di <https://etiket.lppsa.gov.my/>;
- b) Membuat semakan sendiri melalui LPPSA MY FINANCING (Mobile App) Panduan Pengguna boleh dirujuk di Laman Sesawang Rasmi LPPSA <http://www.lppsa.gov.my/en/media/aplikasi-mudah-alih/>; atau
- c) Semakan melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA di <https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/>.

LPPSA juga mendoakan keselamatan dan kesejahteraan semua rakyat Malaysia supaya sentiasa dilindungi daripada wabak COVID-19.

Sebarang kesulitan yang dihadapi sepanjang tempoh penutupan sementara ini adalah amat dikesali. Maklumat terkini mengenai operasi LPPSA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi LPPSA, www.lppsa.gov.my dan Facebook Page LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](https://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA).

13 JUN 2021